



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 8 TAHUN 2017

**PINDAAN BAYARAN INSENTIF KEPADA PENYUMBANG ARTIKEL ATAU
RENCANA IBU PEJABAT LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**

1. TUJUAN

Pekeliling Ketua Pengarah ini adalah untuk memaklumkan mengenai dasar bayaran insentif kepada penulis-penulis artikel atau rencana dalam semua majalah / penerbitan rasmi LPP termasuk Majalah Transformasi dan Buletin Integriti.

2. TAKRIF

“Pihak Berkuasa Berkanun”

Bermakna Lembaga Pertubuhan Peladang.

“Pegawai Awam”

Bermakna anggota atau penjawat yang menyandang jawatan dan berkhidmat dengan Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pertubuhan Peladang.

3. LATAR BELAKANG

3.1 Cawangan Produksi Media, Bahagian Hal Ehwal Korporat dan lain-lain Bahagian / Unit di Lembaga Pertubuhan Peladang memerlukan sumbangan artikel terutama daripada Anggota Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pertubuhan Peladang. Penulisan berita atau artikel yang bermutu memerlukan masa serta perhatian yang lebih. Justeru itu, ada ketikanya penulis diari LPP dan PPK terpaksa mengorbankan masa rehat dan cuti mereka semata-mata untuk menulis berita mengenai kegiatan LPP atau PPK tanpa apa-apa ganjaran atau imbuhan.

Antara majalah / penerbitan rasmi LPP ialah :

- I. Majalah Transformasi - Bahagian Hal Ehwal Korporat
- II. Buletin Integriti - Unit Integriti
- III. Majalah Pendaftar - Bahagian Penyelian dan Penguatkuasaan
- IV. Lain-lain majalah / penerbitan rasmi LPP yang mungkin akan diterbitkan pada masa akan datang

3.2 Taraf majalah / penerbitan rasmi akan ditentukan oleh Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang.

3.3 Cawangan Produksi Media, Bahagian Hal Ehwal Korporat adalah urusetia kepada Jawatankuasa Penilaian Artikel / Rencana yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah LPP (TKPO) bagi memilih artikel bersesuaian untuk diterbitkan. Ahli Jawatankuasa tersebut terdiri daripada bahagian-bahagian yang berkaitan :

- I. Majalah Transformasi - Bahagian Hal Ehwal Korporat
- II. Buletin Integriti - Unit Integriti
- III. Majalah Pendaftar - Bahagian Penyelian dan Penguatkuasaan
- IV. Lain-lain Penerbitan - Bahagian yang berkaitan (Merujuk kepada para 3.2)

3.4 Adalah diharapkan dengan bayaran insentif dan penambahan majalah / penerbitan rasmi LPP ini akan menarik lebih ramai penulis daripada anggota LPP dan anggota PP bagi menyumbangkan artikel kepada penerbitan LPP. Seterusnya akan mewujudkan persaingan untuk menghasilkan artikel yang lebih bermutu.

4. PEMAKAIAN DAN TAKSIRAN

4.1 Kadar bayaran insentif kepada penyumbang-penyumbang artikel terbitan adalah sebanyak RM70.00 (Tujuh Puluh Ringgit Sahaja) bagi setiap artikel yang dicetak.

4.2 Kadar maksimum yang boleh dibayar bagi satu-satu artikel ialah sebanyak RM500.00 (Lima Ratus Ringgit Sahaja). Kadar ini meliputi semua jenis penulisan yang berbentuk artikel dan rencana yang difikirkan sesuai oleh Ketua Pengarah

- 4.3 Bayaran insentif ini adalah tertakluk kepada artikel atau rencana yang diterbitkan sahaja dan pembayaran hanya akan dibuat selepas artikel berkenaan dicetak.
- 4.4 Penulis yang mendapati penulisannya dicetak hendaklah mengemukakan tuntutan kepada Bahagian Hal Ehwal Korporat, Ibu Pejabat LPP untuk pengesahan dan urusan pembayaran selanjutnya. Tuntutan tersebut hendaklah dibuat dalam masa tiga bulan selepas penulisan dicetak. Tuntutan yang dibuat selepas jangkaan tersebut tidak akan dibayar.

5. SUMBER DANA PEMBAYARAN

- 5.1 Sumber dana tabung ini adalah sumbangan daripada PPK iaitu sebanyak RM1 bagi setiap Naskah Berita Transformasi Pertanian yang diedarkan kepada PPK.
- 5.2 Bayaran kepada penulis artikel atau rencana yang diterbitkan akan dibuat oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) melalui akaun Tabung Kutipan Berita Transformasi Pertanian LPP.


6. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Ketua Pengarah ini, Pekeliling Ketua Pengarah Ketua Pengarah Bilangan 5 tahun 2011 adalah dibatalkan.

7. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Ketua Pengarah ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Januari 2017**.

Sekian, terima kasih.



(DATO' HJ. MOHD SALIM BIN HJ.TAHA)

Ketua Pengarah

Lembaga Pertubuhan Peladang

10 Julai 2017

Edaran Kepada :

- Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
- Timbalan Ketua Pengarah Operasi
- Pengarah – Pengarah Bahagian
- Pengarah Unit Integriti
- Pengarah – Pengarah LPP Negeri
- Ketua Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang – Undang
- Presiden Persatuan Pegawai – Pegawai Kanan LPP Semenanjung Malaysia (PEKA)
- Yang Dipertua Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi LPP Semenanjung Malaysia (KEPELADANG)
- Yang Dipertua Kesatuan Pembantu Ehwal Ekonomi LPP Semenanjung Malaysia (KELADANG)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Akaun/Audit Semenanjung Malaysia (KESADA)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Pentadbiran LPP Semenanjung Malaysia (KETADBIR)
- Yang Dipertua Kesatuan Penolong Jurutera LPP Malaysia (KETEKNIK)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan LPP Negeri Sabah (KESABAH)